

Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Kelas Inklusif: Fenomena Semasa Dan Keperluan Pembentukan Model

The Teaching Of Islamic Education Teachers In Inclusive Classes: Current Phenomenon In Forming A New Teaching Model

Suzana Harun¹, Zaharah Hussin¹, Abdul Muhsien Sulaiman¹

¹Faculty of Education, University of Malaya, Malaysia;

Article progress

Accepted: 3 Mei 2021

Reviewed: 6 Jun 2021

Published: 30 November 2021

*Corresponding author:

Suzana Harun,
Faculty of Education, University
of Malaya, Malaysia;
Email:suzana77.harun@gmail.com

Abstrak: Pendidikan Inklusif merujuk kepada suatu program pendidikan yang memberi peluang kepada murid-murid berkeperluan khas untuk mengikuti pembelajaran sepenuhnya dalam kelas aliran perdana bersama murid aliran perdana. Pendekatan pendidikan inklusif adalah sejajar dengan hasrat kerajaan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, yang berinisiatif untuk meningkatkan enrolmen murid berkeperluan khas dalam program pendidikan inklusif. Terdapat banyak isu atau pemasalahan yang ditemui dalam kajian-kajian yang lepas berkaitan pengajaran dalam kelas inklusif di dalam negara. Salah satu isu yang ditemui dalam kelas inklusif ialah berkaitan pengajaran guru mata pelajaran arus perdana dalam kelas inklusif untuk murid berkeperluan khas. Kertas konsep ini bertujuan untuk meninjau pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam kelas Inklusif yang mendorong keperluan terhadap pembinaan model pengajaran inklusif. Kajian yang dijalankan adalah dengan menggunakan rekabentuk *Design and Development Research (DDR)*. Implikasi kajian diharap dapat menyumbang kepada keperluan pembentukan model.

Kata kunci: Guru Pendidikan Islam; Kelas Inklusif; Murid Bekeperluan Khas; Program Pendidikan Inklusif

Abstract: *Inclusive Education refers to an educational program that provides opportunities for students with special needs to fully pursue learning in mainstream classes with mainstream students. The inclusive education approach is in line with the government's aspirations contained in the Malaysia Education Blueprint 2013-2025, which initiatives to increase the enrollment of students with special needs in inclusive education programs. There are many issues or problems found in past studies related to teaching in inclusive classrooms in the country. One of the issues found in inclusive classrooms is related to the teaching of mainstream subject teachers in inclusive classrooms for students with special needs. This concept paper aims to review the teaching of Islamic Education Teachers in Inclusive classrooms which drives the need towards the construction of inclusive teaching models. The study was conducted using Design and Development Research (DDR) design. The implications of the study are expected to contribute to the need for model formation.*

Keywords: *Islamic Education Teachers; Inclusive Classes; Students with Special Needs; Inclusive Education Program.*

Pengenalan

Proses pengajaran merangkumi mendidik serta berusaha mengembangkan seluruh potensi murid yang merangkumi potensi psikomotor, kognitif atau afektif murid. Dalil aqli yang menunjukkan kepentingan menyampaikan ilmu ada terdapat dalam al-Quran, sebagaimana dalam surah Ali-Imran; 3; 187. Ayat ini membuktikan bahawa pentingnya menyebarkan ilmu kepada semua umat termasuk golongan kurang upaya.

United Nations Convention on The Rights of The Child (1989), telah menyebut tentang hak peluang pendidikan kepada semua kanak-kanak tanpa wujudnya diskriminasi (MacPherson, 1989). *United Nations* (1993), menekankan bahawa individu berkeperluan khas perlu diberi pendidikan secara integrasi. UNESCO (1994), juga menegaskan bahawa semua kanak-kanak berkeperluan khas wajib dan dibenarkan menerima pendidikan di sekolah-sekolah berhampiran tempat tinggal mereka. W.H.G Armytage (1880), menyatakan bahawa pendidikan adalah wajib untuk semua kanak-kanak yang berumur di antara 5 hingga 10 tahun.

Laporan Warnock (1978) menyatakan bahawa semua murid berkeperluan khas perlu di ajar dalam arus perdana. Mereka tidak seharusnya dididik secara berasingan. Bilangan murid yang ditempatkan di sekolah khas semakin bertambah, manakala keperluan mereka boleh dipenuhi melalui pendidikan arus perdana. Laporan ini menegaskan bahawa pengasingan telah menyebabkan diskriminasi dalam pendidikan dan hal ini adalah tidak sah dari segi undang-undang (Tie, 2016).

Justeru, *Council for Disabled Children (CDC)* yang telah berlangsung di United Kingdom pada bulan Julai 1994 bersetuju dengan pernyataan dasar baharu inklusif yang menyatakan bahawa murid-murid ini bukan sahaja diinkluskikan dalam aliran perdana tetapi mereka juga perlu diberi sokongan dan perkhidmatan yang diperlukan supaya murid ini boleh menerima pendidikan yang seimbang. Oleh yang demikian, maksud pendidikan inklusif ialah murid-murid ini akan mendapat sokongan dan perkhidmatan yang sesuai untuk membantu murid-murid tersebut belajar di dalam kelas aliran perdana. Asas pendidikan inklusif adalah berfokus kepada individu yang tidak berupaya dan individu bermasalah pembelajaran. Kini, pendidikan inklusif merangkumi semua golongan kanak-kanak berkeperluan khas (Ainscow et al., 2006).

Perkembangan Pendidikan Inklusif

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah mencatatkan bahawa berdasarkan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa dan dasar sedia ada,

Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk menambah bilangan murid berkeperluan khas (MBK) dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI). Sehubungan dengan itu, satu piagam bawah aspirasi ekuiti, "Peningkatan Enrolmen Murid Berkeperluan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif" telah dijadikan sebagai salah satu daripada 25 inisiatif utama dalam 1Agenda Bersepadu KPM pada tahun 2013.

Bagi memenuhi keperluan hak asasi pendidikan, Malaysia juga menawarkan Program Pendidikan Inklusif kepada murid berkeperluan khas. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pengurusan pendidikan formal untuk setiap kanak-kanak termasuk individu berkeperluan khas atau kurang upaya. Dalam Akta Pendidikan 1996, konsep ketidakupayaan (*disabled*) adalah merangkumi murid yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran (Bahagian H, Seksyen 41). Konsep tersebut tidak merangkumi sebahagian kecil kanak-kanak berkeperluan khas (KBK), (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013b).

Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan satu program yang ditawarkan kepada murid berkeperluan khas (MBK) untuk belajar bersama-sama rakan mereka yang tipikal di dalam bilik darjah yang sama dan sekolah yang sama untuk menikmati semua kemudahan belajar dalam keadaan normal tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan ketidakupayaan. Matlamat utama pelaksanaan PPI adalah bagi membolehkan MBK terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti berunsur sosial dan akademik di sekolah dan di dalam komuniti dengan memberi ruang dan peluang kepada semua MBK (Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas, 2018).

Matlamat dan Objektif Pendidikan Inklusif

Matlamat Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah untuk meningkatkan penyertaan dan memberikan peluang kepada murid berkeperluan khas menyertai program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid normal di arus perdana (Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas, 2018). PPI memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menafikan potensi murid berkeperluan khas dan percaya bahawa ketidakupayaan mereka boleh diminimumkan jika diberi peluang yang sama. Objektif Program Pendidikan Inklusif (PPI) yang dipetik daripada Kod Amalan Pendidikan Inklusif (Zhagan, 2016), adalah seperti yang berikut:

1. Memastikan murid berkeperluan khas mendapat hak yang sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan.

2. Membina keyakinan diri murid berkeperluan khas bagi mencapai potensi yang optimum.
3. Memastikan murid berkeperluan khas dapat menyesuaikan diri dengan murid arus perdana bagi meningkatkan kemahiran kehidupan harian mereka.
4. Meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah serta komuniti tentang kepelbagaian keupayaan murid berkeperluan khas.

Oleh yang demikian, bagi mencapai enrolmen Program Pendidikan Inklusif, faktor pengajaran guru dalam kelas inklusif adalah sangat penting. Guru arus perdana yang menajar kelas inklusif perlu merancang pengajaran dengan melihat kepada tahap kemampuan murid berkeperluan khas yang berada dalam kelas tersebut.

Penyataan Masalah.

Bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan pada Oktober 2011 bagi mengkaji sistem pendidikan negara secara menyeluruh demi untuk meningkatkan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke 21. PPPM melalui tiga Fasa iaitu Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2016- 2020) dan Gelombang 3 (2020-2025) menyediakan pendidikan terbaik untuk semua murid termasuk MBK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a).

Justeru, Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan salah satu program yang diberi perhatian dalam PPPM. PPI ditawarkan kepada MBK untuk belajar bersama-sama rakan mereka yang tipikal di dalam bilik darjah yang sama dan sekolah yang sama untuk menikmati semua kemudahan belajar dalam keadaan normal tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan ketidakupayaan. Matlamat utama pelaksanaan PPI adalah bagi membolehkan MBK terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti berunsur sosial dan akademik di sekolah dan di dalam komuniti dengan memberi ruang dan peluang kepada semua murid. Pelaksanaan PPI juga memberi hak kepada semua murid termasuk murid berkeperluan khas untuk mendapat pendidikan (Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas, 2018).

Pengajaran yang baik memerlukan perancangan yang teliti dan dalam pelaksanaannya melibatkan pelbagai pihak, baik guru dan pelajar. Untuk menjadikan proses pengajaran berjalan dengan berkesan dan cekap, guru perlu merancang rancangan pengajaran. Rancangan pengajaran adalah panduan bagi guru dalam melaksanakan pengajaran dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Pengajaran terhadap murid

berkeperluan khas menggabungkan murid arus perdana dan murid berkeperluan khas yang diinkluskikan. Guru perlu merancang pengajaran agar berbeza dengan matlamat dan kecekapan yang diharapkan. Murid berkeperluan khas harus mendapat hak yang sama dalam mempelajari pendidikan Islam.

Namun begitu, terdapat pelbagai masalah yang wujud apabila MBK ditempatkan dalam kelas inklusif. Menurut Husna (2016) terdapat masalah komunikasi yang wujud antara guru dan murid MBK khususnya murid autistik. Masalah komunikasi tersebut ialah arahan yang diberi guru tidak difahami serta tidak dapat diikuti oleh murid. Murid tidak mampu melakukan tugasan yang diberikan menyebabkan guru terus tidak mempedulikan MBK yang berada di dalam kelas tersebut. Guru yang mengajar tiada pengetahuan mengurus murid autistik. Masalah yang wujud ini secara tidak langsung akan memberi impak negatif terhadap proses pengajaran kelas inklusif. Guru arus perdana juga dikatakan mempunyai persepsi negatif terhadap murid inklusif seperti malas untuk belajar, suka bercakap sehingga mengganggu guru mengajar (Ab Aziz Sulaiman & Siti Rubiyani Omar, 2018).

Terdapat kajian guru tidak pernah didedahkan untuk menghadiri kursus yang dianjurkan berkaitan murid berkeperluan khas. Fakta ini disokong oleh Amin Mustafa (2017), dalam kajiannya bahawa pengetahuan guru kelas yang tidak memahami keperluan kepelbagaian murid telah memberi kesan kepada proses pengajaran dan penilaian seseorang murid. Dalam kajiannya juga menekankan perlunya guru yang terlibat dalam pengajaran kelas inklusif diberikan motivasi dan pemahaman yang jitu berkaitan pedagogi pengajaran murid berkeperluan khas.

Dalam kajian lain, kesediaan guru adalah salah satu faktor utama yang perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran. Guru harus lebih peka terhadap keperluan khas pelajar di dalam kelas dan perlu mengendalikan pengurusan masa, subjek pembelajaran, kandungan kokurikulum dan pelbagai keperluan lain (Friend, 2008). Beberapa kajian oleh Murawski (2008) menunjukkan terdapat kekurangan kesediaan guru dalam pelaksanaan inklusi dan ia adalah disokong oleh Ali et al. (2006). Mereka melaporkan bahawa banyak guru memberi kepercayaan sepenuhnya kepada guru arus perdana untuk menguruskan pelajar inklusif. Anuar & Rahim (2012) juga mengatakan bahawa guru yang kurang pengetahuan tentang konsep pedagogi inklusif juga kurang dalam kesediaan mengurus keperluan pelajar mereka di kelas inklusif (Hussin & Hamdan, 2016).

Dapatan yang ditemui dalam tesis kedoktoran (Haniz Ibrahim, 1998), wujud halangan yang menjadi kekangan terhadap pelaksanaan pengajaran inklusif di Malaysia, antaranya adalah sikap negatif guru terhadap penempatan MBK dalam kelas inklusif, guru juga

berpendapat bahawa penempatan MBK di kelas arus perdana sama sepertimana kelas integrasi. Guru juga berpendapat bahawa struktur sekolah rendah perlu diubah untuk menyokong rancangan PPI. Penerimaan awal guru aliran perdana terhadap MBK yang belum didiagnosis lebih positif berbanding murid yang sudah di label dengan sesuatu masalah. Kesan Labelling ke atas MBK adalah ketara dalam pelaksanaan PPI (Supiah Saad, 2005).

Kajian yang telah dijalankan oleh (Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari, 2012), mendapati bahawa Guru Pendidikan Islam yang mengajar kelas Pendidikan Khas menghadapi masalah dalam aspek pedagogi, pengetahuan dan kemahiran berkaitan keperluan MBK. Dapatan juga menunjukkan peserta kajian merancang pengajaran menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kebangsaan tetapi berbeza dalam pelaksanaan yang berkaitan dengan pengubahsuaian dalam pengajaran. Isu-isu ini perlu diberi perhatian memandangkan ianya kerap menjadi rungutan para guru aliran perdana apabila diminta menerima kehadiran MBK di kelas mereka. Ianya sering menjadi tanda tanya dan menjadi salah satu punca timbul rasa tidak puas hati di antara kedua-dua pihak sama ada guru arus perdana mahu pun guru pendidikan khas.

Kajian lain terhadap GPI yang dijalankan oleh (Aznil Hashim, Bahariah Ab Rahman & Hamdi Ishak, 2017), mendapati bahawa GPI merancang pengajaran menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kebangsaan, akan tetapi terdapat pengubahsuaian dalam pengolahan isi pengajaran masing-masing. Kajian ini juga mendapati bahawa peserta kajian menghadapi masalah berkaitan dengan keperluan murid bermasalah pendengaran dari sudut pedagogi, kemahiran dan komunikasi.

Satu lagi kajian yang telah dijalankan terhadap GPI yang mengajar MBK (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil, 2017), mendapati keperluan kepada penggubalan kurikulum khusus Pendidikan Islam khususnya dalam Modul Tilawah al-Quran di mana tiada panduan pengajaran al-Quran berbantuan Braille disediakan bagi membolehkan pelaksanaan PdP al-Quran lebih efektif. GPI juga tidak diberi latihan formal melainkan eksplorasi sendiri dan perkongsian daripada GPI yang berpengalaman. Perkara yang sama juga berlaku hasil dapatan melalui protokol temu bual terhadap GPI dalam program Pendidikan Khas MBK Masalah Pembelajaran di bawah Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan.

Jika dilihat, hasil daripada kajian yang telah dikemukakan, menggambarkan bahawa terdapat isu berkaitan proses pengajaran guru dalam kelas inklusif yang menimbulkan ketegangan dalam menyediakan keperluan perkhidmatan murid di dalam kelas tersebut. Realiti pendidikan inklusif di sekolah harus diperhalusi khususnya aspek pedagogi yang dilaksanakan di sekolah.

Oleh yang demikian, bagi mencapai tujuan tersebut, keperluan terhadap model dan kurikulum yang bersesuaian dengan golongan sasaran dengan mengambil kira faktor luar dan dalamnya sebagaimana dijelaskan di atas perlu diambil tindakan serius.

Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan Design and Development Research (DDR). Pendekatan DDR ini disandarkan kepada (Richey & Klein, 2007), yang menjelaskan bahawa suatu kajian pembangunan dilakukan merangkumi proses yang teratur dan sistematik. DDR dapat digunakan untuk menguji teori dan kebolegunaan sesuatu model atau produk secara praktikal. Secara praktiknya kajian ini dijalankan menerusi tiga fasa.

Kajian ini dirangka dengan menggunakan tiga fasa kajian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan, dan fasa penilaian. Kajian pembangunan model pengajaran inklusif ini perlu melalui tinjauan literatur khususnya dalam mengenalpasti konstruk dan elemen pengajaran utama yang diperlukan dalam model ini. Model-model pengajaran yang dikemukakan oleh sarjana seperti (Shulman, 1986), (Guy R. Lefrancois, 1982) dan (Dunkin, Michael J. & Biddle, 1974) telah dikenal pasti terlebih dahulu dan dianalisis. Model-model ini dipadukan pula dengan teori konstruktivisme (Vygotky, 1978), sebagai teori teras dalam kajian ini.

Proses reka bentuk kajian pembangunan model pengajaran inklusif ini dapat digambarkan menerusi Jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1: Ringkasan Reka Bentuk Kajian Mengikut Fasa.

Fasa kajian	Alat kajian (instrumen)	Analisis data	Jangkaan Hasil
Fasa pertama: Analisis keperluan	Pemetaan model pengajaran; Tinjauan Soal selidik	Transkrip dianalisis secara verbatim Menggunakan SPSS	Rumusan keperluan membangunkan model dan cadangan elemen
Fasa kedua: Reka bentuk dan pembangunan model	Fasa II (A) Analisis kandungan Fasa II (B) Fuzzy Delphi Method - pengesahan elemen	Threshold (d)<0.2 Peratus kesepakatan pakar > 75% dan a-cut > 0.5	Prototaip reka bentuk dan pembangunan model berdasarkan konstruk dan elemen yang disepakati oleh pakar.

Fasa ketiga: Penilaian model	Tinjauan — soal selidik	Indeks kesepadanan {fitness indexes) menggunaka n Structural Equation Modelling (SEM)	Model akhir yang sepadan dengan data di lapangan
------------------------------------	-------------------------------	--	---

Perbincangan

Bagi membangunkan model pengajaran inklusif, setelah meneliti sorotan literatur dan pandangan sarjana terdahulu, didapati kajian berasaskan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) ini juga boleh diimplementasikan sebagai satu pendekatan dalam pembangunan model yang dihasratkan. Fasa analisis keperluan melibatkan 348 orang Guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah rendah. Data dikutip menggunakan soal selidik. Tujuan fasa ini dilaksanakan adalah untuk melihat keperluan terhadap pembangunan model pengajaran inklusif.

Seterusnya bagi fasa rekabentuk dan pembangunan model, seramai 12 orang pakar dipilih sebagai responden. Fasa ini menggunakan kaedah Fuzzy Delphi Method. Tujuan fasa ini dilaksanakan adalah untuk membina prototaip model yang akan dibangunkan. Oleh yang demikian pemilihan 12 orang pakar dalam bidang yang dipilih adalah sangat berketepatan. Manakala fasa terakhir adalah fasa penilaian. Fasa ini melibatkan 360 orang Guru Pendidikan Islam yang mengajar dalam kelas inklusif di sekolah rendah. Data dikutip menggunakan soal selidik. Tujuan fasa ini dijalankan adalah untuk membuat penilaian terhadap model yang dibangunkan.

Kesimpulan

Kajian pembangunan model pengajaran inklusif yang dilakukan ini menepati keperluan semasa Guru Pendidikan Islam arus perdana yang mengajar MBK khususnya dalam aspek pedagogi inklusif. Model pengajaran inklusif ini juga boleh memberi penambahbaikan dari aspek kurikulum kepada Bahagian Pendidikan Khas juga kepada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada masa yang sama, pendekatan DDR mampu mengembangkan dan menambahbaik pengetahuan sedia ada (Richey & Klein, 2007) dalam pelbagai disiplin ilmu yang dikaji.

Rujukan

Al-Quran

Ab Aziz Sulaiman, & Siti Rubiyani Omar. (2018).

Pelaksanaan program pendidikan inklusif bagi murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran di Malaysia satu tinjauan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran Dalam Masyarakat Kontemporari 2018, September*, 32–59.

Ainscow, M., Muijs, D., & West, M. (2006). Collaboration as a strategy for improving schools in challenging circumstances. *Improving Schools*, 9(3), 192–202.
<https://doi.org/10.1177/1365480206069014>

Azmil Hashim, Bahariah Ab Rahman, & Hamdi Ishak. (2017). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 9 (2)(October), 1–11.

Garis panduan Program Pendidikan Inklusif murid berkeperluan khas, (2018).

Curriculum Corporation. (2008). Melbourne Declaration on Educational Goals for Young. *Ministerial Council on Education, December*, 20.

Dunkin, Michael J. & Biddle, B. J. (1974). *The study of teaching* (Rinehart and Winston (ed.)).

Guy R. Lefrancois. (1982). *Psychological Theories Of Human Learning*. Brooks/Cole.

Habibah@Artini, R., Zaharah, H., Mohd Ridhuan, M. J., Ahmad Arifin, S., Saedah, S., & Nurul Rabihah, M. N. (2014). Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Aspek ‘Riadhah Ruhyyah’ untuk Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 53–72.
http://ejournal.um.edu.my/filebank/published_article/6497/Article_5_V2_I2_Jun2014.pdf

Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2012). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11–24.

Haniz Ibrahim. (1998). *Inclusive Education in Malaysia - Teachers’ Attitudes to Change*. University of Exeter.

Hussin, M., & Hamdan, A. (2016). Effect of knowledge,

- readiness and teaching technique in inclusive practices among mainstream teachers in Malaysia. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 8(1).
<https://doi.org/10.20489/intjcesse.239573>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013a). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. In *Education* (Vol. 27, Issue 1).
<https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013b). *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. July, 1–13.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Akta Orang Kurang Upaya 2008. *Undang-Undang Malaysia*, 1–40.
http://www.agc.gov.my/ageportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta_685_-_Akta_Orang_Kurang_Upaya_2008.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 LAPORAN TAHUNAN 2019. In *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Lee Keok Cheong, & Sailajah Nair Sukumaran. (2018). *Pendidikan Inklusif* (Lee Keok Cheong & S. N. Sukumaran (eds.); First Edit). Oxford Fajar
- MacPherson, S. (1989). The Convention on the Rights of the Child. *Social Policy & Administration*, 23(1), 99–101.
<https://doi.org/10.1111/j.14679515.1989.tb00500.x>
- Mohd Ridhuan Bin Mohd Jamil. (2016). Pembangunan Model Kurikulum Latihan Skives Bagi Program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja. *Thesis Ijazah Doktor Falsafah*.
- Norakyairree Mohd Raus Nurutthoilah Ahmad Nabil. (2017). MODEL DAN KURIKULUM PENDIDIKAN AL-QURAN HOLISTIK BAGI OKU. *J-QSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, June.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). Design And Development Research. In *Acta Universitatis Agriculturae et Silviculturae Mendelianae Brunensis* (Vol. 53, Issue 9). Routledge Taylor & Francis Group.
<http://publications.lib.chalmers.se/records/fulltext/245180/245180.pdf>
<https://hdl.handle.net/20.500.12380/245180>
<http://dx.doi.org/10.1016/j.jsa>
- mes.2011.03.003%0Ahttps://doi.org/10.1016/j.gr.2017.08.001%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.precamres.2014.12
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin. (2013). Design And Development Research Emergent Trends in Educational Research. In Zulaikha Nurain & Aznita Ahmad (Eds.), *Pearson Malaysia Sdn Bhd*. Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Shulman, L. S. (1986). Those Who Understand:knowledge Growth in Teaching. *American Educational Research Association*, 15(2), 4–14. <https://definicion.de/computo/>
- Supiah Saad. (2005). Komitmen dan Peranan Guru dalam Pelaksanaan Pendekatan Pendidikan Inklusif di Malaysia. *Seminar Kanak-Kanak Bermasalah Emosi, Kementerian Pelajaran Malaysia*, 1–10.
- Tie, F. H. (2016). *Perkembangan Rangka Perundangan Undang-Undang Pendidikan*. February.
- UNESCO. (1994). The Salamanca Statement Framework. *Policy*, June, 7–10. <https://doi.org/E D -94/WS/ 18>
- United Nations. (1993). Monitoring of the Implementation of the Standard Rules on the Equalization of Opportunities for Persons with Disabilities. *Development*, 6(March 1994), 1–28.
- Vygotsky, L. . (1978). Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes. In M. S. Cole, E. Souberman, & V. John-Steiner (Eds.), *American Anthropologist*. Library of Congress Catalog in Publication Data.
- W.H.G Armytage. (1880). A. J. Mundella as Vice-President of the Council, and the Schools Question. *Oxford Journals*, 63(246), 52–82.
- Zhagan, M. (2016). *PENDIDIKAN INKLUSIF Konseptual dan Amalan* (Edisi 1). Pusat Jagaan Harian Melawati.